

12/09/1997

Malaysia sedia bantu majukan Mongolia

ULAN BAATAR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia sedia bekerjasama dengan Kerajaan Mongolia bagi mengatasi halangan yang selama ini menyebabkannya dilihat sebagai negara terpencil.

Dalam hubungan ini, kata Perdana Menteri, apa yang Mongolia perlukan ialah pelaburan bagi menyediakan kemudahan infrastruktur di negara itu bagi menjadikannya kurang terpencil.

Menurut Dr Mahathir, Mongolia adalah sebuah negara indah dan penuh sejarah dan jika negara itu perlu dikenali, maka ia perlu menyediakan lebih banyak maklumat.

Bercakap pada pemberita pada akhir lawatan rasmi empat hari ke Mongolia, hari ini, beliau berkata, negara ini tidak mempunyai prasarana pengangkutan yang baik bagi menarik pelabur.

"Walaupun ia mempunyai sistem perhubungan kereta api, kemudahan itu masih tidak mencukupi untuk mengangkut penumpang dan barangan. Selain itu, ia juga tidak mempunyai sistem jalan raya yang baik mahupun perkhidmatan udara.

"Bagi menjadikan Mongolia kurang terpencil, sektor swasta Malaysia bersedia dan berminat untuk membabitkan diri dalam projek infrastrukturnya jika kerajaan negara ini mahu menswastakannya," katanya.

Dr Mahathir berkata, dalam usaha mendekatkan Mongolia dengan negara di rantau Asia Tenggara, setakat ini kedua-dua negara sudah menandatangani perjanjian persafahaman bagi membolehkan pesawat masing-masing terbang ke dua-dua negara dengan membawa 1,800 penumpang seminggu.

Menurutnya, jika syarikat penerbangan Mongolia (MIAT) bersetuju dengan konsep perkongsian kod, ia membentuk cara terbaik untuk memulakan perkhidmatan penerbangan perdagangan kedua-dua negara, sebelum mampu mewujudkan penerbangan terus.

Dr Mahathir yang melawat negara ini dengan lebih 60 ahli perniagaan berkata, syarikat Malaysia berminat melabur di Mongolia dan yakin perbincangan dengan rakan perniagaan itu akan menghasilkan satu usaha sama perniagaan yang kukuh dan berterusan.

"Berikutan kekurangan infrastruktur, pelabur Malaysia setakat ini terpaksa berpuas hati dengan apa yang ada. Apa pun, kita perlu mencari jalan bagi mengatasi kekurangan yang ada, antaranya dengan mengadakan perjanjian perkhidmatan udara," katanya.

(END)